

Semua Pengarah Bahagian

()dlm.PPS
10/4/2 CUB Jld. 2

Semua Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri

Julai 1996

Semua Jurutera Projek

Semua Ketua Cawangan/Unit
Ibu Pejabat JPS,
Malaysia.

Semua Jurutera Daerah/Wilayah.

Tuan,

**Perkara : Bayaran Balik Wang Pendahuluan Melalui
Pemotongan Dalam Bayaran Kemajuan dengan
Menggunakan Borang JKR 66.**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Akaun Kementerian Pertanian telah mencadangkan sedikit pindaan dibuat ke atas Borang Bayaran Kemajuan/Interim (JKR 66) untuk mengambilkira peraturan baru dalam pengakaunan Bayaran Wang Pendahuluan.

2. Dalam setiap bayaran kemajuan yang melibatkan pemotongan ke atas bayaran wang pendahuluan, maklumat ke atas nilai bayaran balik wang pendahuluan terdahulu, semasa dan terkumpul hendaklah dicatatkan. Bayaran balik wang pendahuluan terdahulu adalah merupakan nilai potongan yang terkumpul sehingga bayaran kemajuan yang lepas dan bayaran balik wang pendahuluan terkumpul adalah nilai yang diperolehi melalui `formula' yang digunakan dalam bayaran kemajuan yang sedang disediakan. Nilai semasa merupakan perbezaan diantara kedua-dua nilai di atas.

3. Maklumat-maklumat ini hendaklah dicatatkan dengan jelas di bahagian bawah mukasurat 2/2, Borang JKR 66. Salinan contoh pindaan ini disertakan untuk makluman dan tindakan tuan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

Saya yang menurut perintah,

(FADZILAH BINTI ABDUL SAMAD)
Pengarah Ukur Bahan,
b.p.: Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

Di bawa dari muka surat 1/2:

RM

TOLAK

1. Bayaran balik wang pendahuluan kepada Kontraktor Utama ke atas Kontrak/bayaran sementara ke atas Peralatan dan Loji Berjentera (jika berkenaan)*

Amaun terdahulu	RM		
Amaun semasa	RM		

Amaun terkumpul	RM		RM

2. Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan pada kadar RM tiap-tiap satu darike RM
3. Premium insurans dan caruman PERKESO yang dibayar oleh Kerajaan RM
4. Gaji pekerja yang dibayar oleh Kerajaan . RM
5. Kos kepada Kerajaan akibat kegagalan Kontraktor mematuhi arahan P.P..... RM
6. Potongan-potongan lain yang dibenarkan
 - (a) Penahanan untuk cukai (jika berkenaan) RM
 - (b) RM
 - (c) RM

BAYARAN DISYORKAN KENA DIBAYAR

RM

.....
(Juruukur Bahan/Pegawai Pengesyor)

Bayaran diperakukan

- (a) Kepada Kontraktor Utama RM
- (b) Kepada SubKontraktor-subkontraktor Dinamakan (Jumlah b/h dari Lampiran A1 - Jumlah Ruangan 10) RM
- (c) Kepada Pembekal-pembekal Dinamakan (Jumlah b/h dari Lampiran A2 - Jumlah Ruangan 9).. RM
- (d) Kepada Penerima Hak-Penerima Hak yang diluluskan (Jumlah b/h dari Lampiran A3 - Jumlah Ruangan 9).. RM

RM
=====

(Ringgit:)

Tarikh:

.....
(Pegawai yang diberi Kuasa untuk Memperakukan)

NOTA

1. Jumlah amaun yang dibayar di bawah Perakuan ini ialah RM (Untuk diisi oleh pegawai yang menyediakan baucer. Sesalinan Perakuan hendaklah dikembalikan kepada Juruukur Bahan/Pegawai Pengesyor).
2. Bayaran wang pendahuluan yang telah dibuat sehingga ke tarikh ini ialah RM (untuk diisi oleh Juruukur Bahan/Pegawai Pengesyor).

* Potong jika tidak berkaitan